

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 - 6/1/1Jld 2(5)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN
SUBANG JAYA BIL. 05 TAHUN 2015**

Tarikh : 27 Mei 2015 (Rabu)
Masa : 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari
**Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga,
Aras 2,
Majlis Perbandaran Subang Jaya**

HADIR

- | | | | |
|-----|---|---|-------------------------|
| 1. | YBhg. Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan Yang Dipertua MPSJ | - | Pengerusi |
| 2. | Tuan Haji Abdullah bin Marjunid Setiausaha Perbandaran | - | Setiausaha Mesyuarat |
| 3. | Encik Pooi Weng Keong | - | Ahli Majlis |
| 4. | Encik Stephen Chin Sou Bong | - | " |
| 5. | Encik Tai Cheng Heng | - | " |
| 6. | Encik Chong Hoon Ming | - | " |
| 7. | Encik Chia Yew Ken | - | " |
| 8. | Encik Loka Ng Sai Kai | - | " |
| 9. | Encik Michael Noel Jalleh | - | " |
| 10. | Encik Yap Kok Weng | - | " |
| 11. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh | - | " |

- | | | | |
|-----|--|---|---|
| 12. | Encik Mohamad Rosharizan bin Mohd Rozlan | - | " |
| 13. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi | - | " |
| 14. | Puan Norzaihan binti Ismail | - | " |
| 15. | Encik Jabetri bin Ami | - | " |
| 16. | Encik P. Ravi Chandaran a/l Periasamy | - | " |
| 17. | Encik Ban Shi Ron | - | " |
| 18. | Puan Sharmazira binti Md Sharif | - | " |
| 19. | Dr. Mahendran a/l V Markandoo | - | " |
| 20. | Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli | - | " |
| 21. | Puan Azalea Zulaikha binti Hj. Zulkifli | - | " |
| 22. | Puan Kavitha a/p Chandragesan | - | " |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|----------------------|---|-------------|
| 1. | Ir. Izham bin Hashim | - | Ahli Majlis |
| 2. | Encik Wan Hock Leong | - | " |
| 3. | Encik Tan Pang Yeow | - | " |

TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)

1. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Hamizun binti Mohd Basar
Pengarah, Jabatan Korporat Dan Pengurusan Strategik
3. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
4. Encik Mohd Fadzil bin Mahat
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
5. Encik Ismail bin Muhamad
Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
6. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
7. Encik Ismail bin Salim
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
8. Puan Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman
Pengarah, Jabatan Hasil
9. Puan Anita binti Abd. Jalil
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
10. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin
Pengarah, Jabatan Kesihatan
11. Ir. Mohd Ariffuddin bin Hj Kamari
Pengarah, Jabatan Bangunan
12. Encik Fadzli bin Zubi
Pengarah, Jabatan OSC
13. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Pegawai Integriti, Unit Integriti

14. Puan Noraziah binti Ali
Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Audit Dalam
15. Encik Nazarudin bin Mashtuki
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
16. Puan Satinah binti Safirol
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan COB
17. Encik Samzol bin Saat
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Teknologi Maklumat
18. Mejar Mohd Rasip bin Rasul (Bersara)
Timbalan Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
19. Encik Hazman bin Mohd Mahayudin
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
20. Puan Aida binti Omar
Timbalan Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
21. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
22. Encik Muhammad Azli bin Miswan
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat Dan Pengurusan Strategik
23. Encik Nor Azmi bin Mohd. Rosli
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan
24. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
25. Encik Mohd Hafiz bin Sharif
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
26. Encik Mohd Faudzi bin Nazaruddin
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
27. Cik Hasnor Salwa binti Harun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta

28. Encik Mohd Haizi bin Harun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan
29. Puan Nor Shahela binti Amzah
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perbendaharaan
30. Encik Saipudin bin Sulaiman
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
31. Encik Samsudin bin Ayob
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
32. Puan Rosmawati binti Zainuddin
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
33. Puan Sadzliawaty binti Mohamad Dom
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
34. Encik Mohd Syazwan bin Kamaruddin
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
35. Encik Nazri Faiz bin Zainal
Penolong Pengarah, Jabatan Pelesenan
36. Puan Jaswani Nazmi binti Jamaluddin
Penolong Pengarah, Jabatan Pelesenan
37. Encik Nurli Izwan bin Haji Osman
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
38. Puan Siti Kartina binti Juhari
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
39. Cik Adibah binti Abdullah
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
40. Puan Nadia binti Abu Baharin
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
41. Encik Mohd Safiee bin Junun
Penolong Pengarah, Jabatan Bangunan

42. Encik Mohd Aisamuddin bin Razali
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
43. Puan Noraini binti Nazaruddin
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
44. Puan Zalmah binti Yahya
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
45. Puan Azizah binti Idris
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
46. Puan Nur Maini binti Ariffin
Penolong Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
47. Puan Azian binti Ropie
Penolong Pengarah, Jabatan Hasil
48. Puan Marhaini binti Mohd Sukaime
Penolong Pengarah, Jabatan Hasil
49. Encik Mohd Fadil bin Alos
Penolong Pengarah, Bahagian Audit Dalam
50. Puan Mimi Zareena binti Md Nor
Penolong Pengarah, Jabatan OSC
51. Dr. Muhammad Khairin bin Zamauri
Penolong Pengarah, Jabatan Kesihatan
52. Puan Mazlina binti Mustafa
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
53. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
54. Puan Nor Najihah binti Sukor
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
55. Encik Mohamad Junus bin Baharom
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik

56. Encik Mohd Nor Affandi bin Isa
Penolong Pengarah, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
57. Puan Zaiyanazareht binti Zaini
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
58. Puan Intan Rozlina Hani binti Rasim
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
59. Encik Muhammad Iskandar Z bin Azmi
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
60. Encik Muhammad Aliff bin Abd Rani
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
61. Encik Muhsin bin Izhar Hisham
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
62. Puan Emilia binti Nasir
Penolong Pengarah, Unit Integriti
63. Encik Mohd Fikri bin Misro
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
64. Encik Mohd Redzuan bin Abdul Jamal
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat

URUSETIA

1. Encik Salmi bin Mat Saad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Encik Isham bin Abu Kassim
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Faizah binti Mazenan
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan

1.0 DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa dan Ummul Kitab, Al-Fatihah.

2.0 UCAPAN Pengerusi

YBhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat pada kali ini adalah Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 05/2015 dan seterusnya memaklumkan beberapa perkara:

2.1 PROGRAM 'SCIENCE EXPLORER FOR LITTLE SCIENTISTS'

MPSJ akan menganjurkan Program '*Science Explorer for Little Scientists*' anjuran bersama Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan *Alumni Look East Policy Society* (ALEPS). Butiran program adalah seperti berikut:

Tarikh : 30 dan 31 Mei 2015 (Sabtu dan Ahad)
Tempat : Bilik Jebat, Kompleks 3C
Masa : 1.30 petang hingga 6.00 petang

MPSJ telah melaksanakan Dasar Pandang Ke Timur secara serius pada tahun 2012 bermula dengan termeterainya Memorandum Persefahaman di antara MPSJ - Bandar Hioki dan MPSJ - ALEPS.

Pada tahun ini MPSJ dan ALEPS berhasrat untuk bersama-sama melaksanakan program komuniti dengan memberi fokus kepada golongan pelajar.

Objektif penganjuran program adalah untuk memberikan pendidikan berbentuk nilai murni kepada komuniti dan bukan untuk mengaut keuntungan serta menggalakkan penglibatan

komuniti khususnya kepada dunia sains melalui pendidikan Jepun.

MPSJ-ALEPS telah mendapat bantuan daripada *The Scientific Explorer (Kagaku Tankentai)* Jepun untuk bersama-sama memberi peluang kepada generasi muda untuk mengeksplorasi dunia sains.

Penyertaan terbuka kepada pelajar sekolah rendah berumur 9 hingga 12 tahun dan terhad kepada 40 penyertaan pertama. Bayaran penyertaan sebanyak RM 12.00 akan dikenakan.

2.2 CABARAN MY INNOVATION PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR TAHUN 2015

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah menganjurkan Program Cabaran *My Innovation* yang merupakan rantai kepada Program Jejak Inovasi (Turun Padang) yang menjelajah ke semua Sembilan (9) daerah dan 12 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Selangor.

Cabaran ini adalah berbentuk pertandingan yang berteraskan kreativiti dan inovasi dengan fokus kepada semua penduduk di Negeri Selangor yang meliputi individu / orang perseorangan / penjawat awam, syarikat swasta, pelajar sekolah dan pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

Tema Cabaran *My Innovation* pada tahun ini ialah "inovasi...duniaku". Tarikh tutup penyertaan adalah pada 01 Ogos 2015.

Edaran hebahan telah dibuat melalui media massa dan juga kepada Jawatankuasa Penduduk (JKP) bagi mempromosikan program ini kepada khalayak ramai.

Penilaian cabaran *My Innovation* di MPSJ akan dilaksanakan pada 23 Sepetember 2015. Diharapkan banyak penyertaan akan diterima oleh MPSJ kerana MPSJ menyokong penuh serta menggalakkan lebih banyak program seumpamanya akan dianjurkan pada masa akan datang.

2.3 FORUM INTEGRITI BERSAMA AHLI MAJLIS PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Sukacita dimaklumkan, Unit Integriti Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dengan kerjasama Institut Integriti Malaysia (IIM) akan menganjurkan Forum Integriti Bersama Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan seperti pada butiran berikut:

Tarikh : 05 Jun 2015 (Jumaat)
Masa : 8.00 pagi
Tempat : Auditorium Dewan Jubli Perak,
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul
Aziz Shah, Shah Alam

Tujuan penganjuran forum integriti ini ialah untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman mengenai pengamalan etika dan integriti serta tadbir urus terbaik dalam PBT di kalangan Ahli Majlis. Forum integriti ini akan dirasmikan oleh Dato' Menteri Besar Selangor, YAB. Tuan Mohamed Azmin bin Ali.

2.4 KARNIVAL MEMANCING MPSJ 2015

Program Karnival Memancing MPSJ 2015 ini merupakan acara tahunan anjuran pihak Majlis. Objektif program ini diadakan adalah bagi menggalakkan kegiatan yang sihat, memupuk semangat perpaduan kaum melalui aktiviti – aktiviti yang diadakan serta memberi peluang kepada masyarakat melibatkan diri dalam aktiviti berkonsepkan mesra rakyat selain dapat mengeratkan sillaturrahim di kalangan masyarakat setempat. Program ini akan diadakan pada:

Tarikh : 07 Jun 2015 (Ahad)
Masa : 7.00 pagi – 4.00 petang
Lokasi : Taman Tasik Puchong Perdana,
Puchong
Yuran : Rm 50.00 / joran (percuma T-shirt)

2.5 PROGRAM KAYUHAN HIDUP SIHAT MPSJ 2015

Majlis Perbandaran Subang Jaya dengan kerjasama The Glade, Putra Heights akan menganjurkan Program Kayuhan Hidup Sihat MPSJ – The Glade, Putra Heights 2015 pada 13 Jun 2015 (Sabtu), bermula jam 7.30 pagi bertempat di The Glade, Putra Heights, Subang Jaya.

Program yang berbentuk santai ini terbahagi kepada dua (2) kategori iaitu Kategori Keluarga (Family Ride) dan Kategori Umum (Fun Ride). Jumlah penyertaan dianggarkan seramai 1000 orang peserta.

Program ini dilihat sebagai satu langkah yang tepat pada masanya kerana ia dapat menggalakkan lagi penggunaan basikal untuk tujuan riadah kepada masyarakat di samping mengaktifkan lagi hujung minggu mereka dengan aktiviti gaya hidup sihat.

MPSJ seterusnya akan melaksanakan sekali lagi aktiviti kayuhan basikal pada tahun ini dan berharap mendapat sambutan dan penyertaan yang lebih ramai daripada pelbagai lapisan masyarakat.

2.6 MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN PROGRAM KESEJAHTERAAN MASYARAKAT BANDAR (PKMB) MPSJ 2015

Setiap tahun MPSJ telah menyediakan peruntukan sebanyak RM300,000.00 untuk tujuan Program Kesejahteraan Masyarakat Bandar (PKMB) MPSJ. Majlis penyampaian sumbangan diberikan kepada anak-anak yatim, ibu tunggal, golongan kurang berkemampuan dan orang kurang upaya (OKU).

Berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Program Kesejahteraan Masyarakat Bandar (PKMB) Bil. 01/2014 bertarikh 08 April 2014 telah memutuskan bahawa

jumlah penerima sumbangan dinaikkan daripada 20 orang kepada 30 orang bagi setiap zon Jawatankuasa Penduduk (JKP). Penyampaian sumbangan bagi tahun 2015 diberikan dalam bentuk wang tunai sahaja iaitu sebanyak RM200.00 kepada setiap penerima. Program ini akan diadakan pada:

Tarikh : 13 Jun 2015 (Sabtu)
Masa : 2.00 petang – 5.00 petang
Tempat : Kompleks 3K, Serdang Raya

2.7 PROGRAM MENEMBAK GAGAK DI KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Majlis Perbandaran Subang Jaya akan mengadakan Program Menembak Gagak Di Kawasan Pentadbiran MPSJ pada:

Tarikh : 13 – 14 Jun 2015 (Sabtu & Ahad)
Masa : 4.00 petang – 7.30 petang
Tempat : SS 15, Subang Jaya

Pendaftaran bagi program ini akan diadakan di Lobi Bangunan Ibupejabat MPSJ manakala taklimat serta pemeriksaan lesen dan senjata api akan dijalankan oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Semua Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ adalah dijemput hadir untuk bersama-sama menyertai program ini.

2.8 PROGRAM RAKAN MASJID – IMARAH RAMADHAN SECARA “SMART PARTNERSHIP” ANTARA MPSJ DAN JAWATANKUASA MASJID / SURAU

Bersempena bulan Ramadhan yang menjelang tiba, Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan Program Rakan Masjid – Imarah Ramadhan Secara “Smart Partnership” Antara MPSJ Dan Jawatankuasa Masjid / Surau di kawasan pentadbiran MPSJ.

Objektif program ini diadakan adalah bagi mendekatkan diri masyarakat setempat dan golongan remaja dengan amalan murni yang perlu dilakukan sempena bulan yang mulia ini serta bersama-sama mengimarahkan Masjid dengan pelbagai aktiviti dan ibadah bersempena bulan Ramadhan Al-Mubarak 1436H. Program ini akan diadakan disepanjang bulan Ramadhan dan butiran program adalah seperti berikut:

Tarikh : 18 Jun 2015 – 14 Julai 2015
Tempat : 30 Lokasi Masjid / Surau Terpilih

Sasaran peserta terdiri daripada remaja lepasan sekolah, belia, golongan pelajar dan anak-anak yatim. Penyertaan adalah percuma dan dijangkakan seramai 1,500 orang peserta akan terlibat dalam program ini.

2.9 LAPORAN DEMAM DENGGI

Bilangan kes denggi dilaporkan tahun ini sehingga Minggu Epid 20 (iaitu sehingga 23 Mei 2015) adalah sebanyak 4849 kes denggi telah dilaporkan di kawasan MPSJ.

Sehubungan itu, dalam memerangi kes denggi ini adalah menjadi harapan pihak Majlis agar penduduk perlu memastikan kawasan premis masing-masing bebas dari tempat-tempat pembiakan aedes dengan meluangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit untuk mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes.

Kerjasama masyarakat dengan melaksanakan Kempen 10 Minit dan gotong royong adalah amat diperlukan untuk memastikan kes denggi dapat dikurangkan.

2.10 MAKLUMAT KOMPLEKS 3K, SERDANG RAYA

Kompleks Kemudahan Kemasyarakatan (3K) Serdang Raya telah siap dibina pada tahun 2004 dan telah beroperasi sepenuhnya pada tahun 2005. Kompleks Kemudahan Kemasyarakatan (3K) MPSJ, Serdang Raya dilengkapi dengan kemudahan seperti Gelanggang Badminton, Padang Bolasepak, Pentas, Kolam Renang, Bilik Mesyuarat, Gymnasium dan lain-lain kemudahan. Selain itu, Kompleks 3K juga menempatkan Perpustakaan Hipermedia Seri Kembangan dan Pejabat Jabatan Penguatkuasaan di bangunan tersebut.

KOLAM RENANG

Kompleks 3K mempunyai dua buah kolam renang untuk kegunaan dewasa dan kanak-kanak. Saiz bagi kedua-dua kolam adalah seperti berikut:

| BIL | KOLAM RENANG | SAIZ |
|------------|---------------------|--|
| i. | Dewasa | 4 KAKI (DALAM) X 23.2M (PANJANG) X 12.4M(LEBAR) |
| ii. | Kanak-Kanak | 36 INCI (DALAM) X 10.6M (PANJANG) X 7M(LEBAR) |

PEMBUKAAN SEMULA KOLAM RENANG

Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) akan membuka semula kolam renang dewasa dan kanak-kanak pada 28 Mei 2015 (Khamis) untuk kemudahan orang ramai. Kadar yang dikenakan adalah seperti berikut:

| SESI | WAKTU | KATEGORI | HARI BIASA | CUTI AM / UMUM | MASA |
|------|------------------------|-------------|------------|----------------|-----------------|
| i. | 9.30 pg - 12.30 tgh | Dewasa | RM 3 | RM 4 | 3 jam / sesi |
| | | Kanak-Kanak | RM 2 | RM 3 | 3 jam / sesi |
| ii. | 3.00 ptg - 6.00 ptg | Dewasa | RM 3 | RM 4 | 3 jam / sesi |
| | | Kanak-Kanak | RM 2 | RM 3 | 3 jam / sesi |
| iii. | 6.30 ptg - 9.30 mlm | Dewasa | RM 3 | RM 4 | 3 jam / sesi |
| | | Kanak-Kanak | RM 2 | RM 3 | 3 jam / sesi |

*harga tidak termasuk caj GST 6%

Kolam renang ini juga akan memperkenalkan sistem kad bagi kemasukan ke kolam bagi memudahkan orang ramai untuk setiap kali menggunakan kemudahan ini.

2.11 UCAPAN KHAS DATO' YDP SEMPENA BULAN RAMADHAN 1436H

Majlis Perbandaran Subang Jaya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Menyambut Bulan Ramadhan Al-Mubarak kepada semua Ahli Majlis dan Warga Kerja MPSJ yang beragama Islam.

In Shaa Allah tarikh permulaan Ramadhan tahun 1436H ini dijangka akan disambut pada 18 Jun 2015 bersamaan hari Khamis.

Pihak Majlis mengharapkan semoga dengan kehadiran bulan Ramadhan yang penuh rahmat ini, dapatlah kita bersama-sama mengimarahkannya serta mempertingkatkan amal ibadat kita. Semoga kita semua akan bersama-sama mendapat keberkatannya.

3.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 04/2015 BERTARIKH 28 APRIL 2015.

Minit Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 04/2015 bertarikh 28 April 2015 telah disahkan tanpa pindaan.

4.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA

4.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 09/2015 Bertarikh 06 Mei 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)

4.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 10/2015 Bertarikh 20 Mei 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Pindaan/Cadangan |
|-----|----------------|--------------------|---|--|
| 1 | para 3.2 m.s 8 | Encik Chia Yew Ken | Permohonan Kebenaran Merancang Membuat Perubahan Material | Beliau memohon supaya pihak Majlis mengkaji semula syarat-syarat dan garis panduan berhubung |

| | | | | |
|--|--|--|---|--|
| | | | <p>Kegunaan Bangunan Daripada Kedai Pejabat Kepada Asrama Pelajar</p> | <p>permohonan kebenaran merancang membuat perubahan material kegunaan bangunan daripada kedai pejabat kepada asrama pelajar / pekerja di kawasan perdagangan dan komersial di kawasan pentadbiran MPSJ kerana ia melibatkan beberapa isu berbangkit seperti isu keselamatan, kesesakan lalulintas dan isu tempat meletak kenderaan.</p> <p>Justeru itu, beliau meminta supaya pihak Majlis membuat kajian semula dan tindakan penambahbaikan ke atas garis panduan dan syarat-syarat kelulusan yang sedia ada sebelum pelaksanaannya dikuatkuasakan oleh pihak Majlis.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan memaklumkan bahawa pihak Majlis akan memperhalusi isu-isu berbangkit mengenai perkara ini sebelum sebarang keputusan selanjutnya diambil oleh pihak Majlis.</p> |
|--|--|--|---|--|

| | | | | |
|--|--|--|--|--|
| | | | | Sehubungan itu, Dato' Yang Dipertua meminta Jabatan Perancang Bandar untuk mengambil tindakan selanjutnya berhubung perkara ini. |
|--|--|--|--|--|

Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)

4.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil. 05/2015 Bertarikh 13 Mei 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Pengurusan Alam Sekitar

4.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 05/2015 Bertarikh 13 Mei 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Pindaan/Cadangan |
|-----|-------------------|----------------------|---|--|
| 1 | para 8.9.1 m.s 25 | Encik Tai Cheng Heng | Cadangan Pemasangan Pagar Di Pasar Pagi Di Taman Universiti Indah, Seri Kembangan | Beliau memohon maklumbalas mengenai status terkini berkenaan cadangan permohonan |

| | | | | |
|---|--------------|------------------------------------|---|--|
| | | | | <p>pemasangan pagar di Pasar Pagi di Taman Universiti Indah, Seri Kembangan.</p> <p><u>Maklumbalas:</u> Pengarah Kejuruteraan memaklumkan bahawa pihak Jabatan Kejuruteraan akan memberikan maklumbalas status terkini berhubung perkara ini di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur yang akan datang.</p> |
| 2 | Hal-Hal Lain | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh | Isu Berkenaan Kerja-Kerja Penampalan Jalan Yang Dijalankan Oleh Pihak Kontraktor Yang Tidak Mengikut Standard Dan Spesifikasi Yang Ditetapkan Oleh Pihak Majlis | <p>Beliau meminta supaya pihak Majlis membuat pemantauan dan pemeriksaan terhadap kerja-kerja penampalan jalan yang dijalankan oleh pihak kontraktor yang tidak mengikut standard dan spesifikasi yang ditetapkan oleh pihak Majlis.</p> <p><u>Maklumbalas:</u> Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan memaklumkan bahawa pihak Majlis akan memperhalusi isu-isu berbangkit mengenai perkara ini sebelum sebarang</p> |

| | | | | |
|--|--|--|--|--|
| | | | | <p>keputusan selanjutnya diambil oleh pihak Majlis.</p> <p>Sehubungan itu, Dato' Yang Dipertua meminta Jabatan Kejuruteraan mengambil tindakan segera berhubung perkara ini.</p> |
|--|--|--|--|--|

Tindakan : Jabatan Kejuruteraan

4.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan Korporat Bil. 04/2015 Bertarikh 14 Mei 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Pindaan/Cadangan |
|-----|-------------------|------------------------------------|--|---|
| 1 | para 5.2.4 m.s 11 | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh | Laporan Lawatan Tapak Bagi Cadangan Projek Pembangunan Hotel 3 Bintang 10 Tingkat Di Atas Lot PT 17404 Dan PT 17407, Bandar Puchong Jaya, Puchong, Mukim Petaling, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan | Beliau memohon maklumbalas dan status terkini berhubung laporan lawatan tapak bagi cadangan projek pembangunan hotel 3 bintang 10 tingkat di atas lot PT 17404 dan PT 17407, Bandar Puchong Jaya, Puchong, Mukim Petaling, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan. |

| | | | | |
|--|--|--|--|---|
| | | | | <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Pengarah Perancang Bandar memaklumkan bahawa pihak Jabatan Perancang Bandar sedang menyediakan kronologi kes dan laporan berhubung perkara ini untuk dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan Korporat yang akan datang.</p> <p>Sehubungan itu, Dato' Yang Dipertua meminta Jabatan Perancang Bandar untuk mengambil tindakan selanjutnya berhubung perkara ini.</p> |
|--|--|--|--|---|

Tindakan : Bahagian Audit Dalam

4.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 05/2015 Bertarikh 14 Mei 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Perbendaharaan

4.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Dan Kesihatan Bil. 05/2015 Bertarikh 15 Mei 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan.

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Pindaan/Cadangan |
|-----|----------------|-----------------------|--|--|
| 1 | para 3.1 m.s 5 | Encik Chong Hoon Ming | Status Terkini Kilang Swan Printing Di Bukit Serdang | <p>Beliau memohon pindaan minit dibuat pada perenggan akhir perkara ini bagi menerangkan maksud sebenar perkara yang dinyatakan.</p> <p><u>Pindaan Minit:</u></p> <p>“Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah meminta pihak syarikat mengemukakan semula permohonan lesen perniagaan kepada pihak Majlis dengan mematuhi syarat-syarat lesen yang telah ditetapkan”.</p> <p>Sehubungan itu, Dato’ Yang Dipertua meminta Jabatan Pelesenan untuk membuat pindaan kepada Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Dan Kesihatan Bil. 05/2015 berhubung perkara ini.</p> |

| | | | | |
|---|--------------|-----------------------|---|---|
| 2 | Hal-Hal Lain | Encik Tai Cheng Heng | Operasi Tunda Kenderaan | <p>Beliau memohon supaya operasi tunda kenderaan yang dijalankan oleh pihak Majlis bagi kenderaan yang melakukan kesalahan parkir kenderaan dan lalulintas dipanjangkan di kawasan Seri Kembangan.</p> <p><u>Maklumbalas:</u> Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan seterusnya meminta Jabatan Penguatkuasaan untuk mengambil tindakan selanjutnya berhubung perkara ini.</p> |
| 3 | Hal-Hal Lain | Encik Loka Ng Sai Kai | Permohonan Baru Dan Cadangan Permohonan Pembaharuan Lesen Pusat Penjagaan Kesihatan Di Kawasan MPSJ | <p>Beliau memaklumkan bahawa Mesyuarat Pre-Council Ahli Majlis pada 26 Mei 2015 telah bersetuju untuk memilih Cadangan 3 : Bilangan Kuota Pusat Penjagaan Kesihatan Dihapuskan.</p> <p>Perkara ini diputuskan semasa Mesyuarat Membincangkan Kuota Pusat Penjagaan Kesihatan Di Kawasan MPSJ diadakan semasa</p> |

| | | | | |
|--|--|--|--|---|
| | | | | <p>Mesyuarat Pre-Council Ahli Majlis pada 26 Mei 2015.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Setelah meneliti dan berbincang, Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 05/2015 bertarikh 27 Mei 2015 telah bersetuju dengan keputusan untuk memilih Cadangan 3 : Bilangan Kuota Pusat Penjagaan Kesihatan Dihapuskan.</p> <p>Walau bagaimanapun, kelulusan yang diberi adalah berdasarkan kepada keperluan semasa ke semasa dan tertakluk kepada pematuhan kepada syarat-syarat Pekeliling, Garis Panduan dan Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan Dan Pusat Penjagaan Kesihatan (Majlis Perbandaran Subang Jaya).</p> <p>Mesyuarat juga mencadangkan untuk membawa kertas kerja berhubung cadangan Pusat Penjagaan Kesihatan di atas untuk dibincangkan di peringkat Kerajaan Negeri.</p> |
|--|--|--|--|---|

| | | | | |
|--|--|--|--|--|
| | | | | Selain itu, Dato' Yang Dipertua turut meminta Jabatan Pelesenan untuk membuat semakan berhubung Prosedur Operasi Standard (SOP) pihak Kerajaan Negeri dan pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) berkaitan perkara ini sebelum sebarang keputusan selanjutnya diambil oleh pihak Majlis. |
|--|--|--|--|--|

Tindakan : Jabatan Pelesenan

4.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Bil. 05/2015 Bertarikh 15 Mei 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Pindaan/Cadangan |
|-----|----------------|-----------------------|------------------|--|
| 1 | para 3.4 m.s 5 | Encik Loka Ng Sai Kai | Kompleks 3C MPSJ | Beliau memohon maklumbalas berhubung cadangan penjenamaan semula Kompleks 3C MPSJ. |

| | | | | |
|--|--|--|--|--|
| | | | | <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua meminta Jabatan Pembangunan Masyarakat untuk menyediakan kertas cadangan bagi penjenamaan semula Kompleks 3C MPSJ bagi menjadikan ia sebagai pusat tarikan orang ramai.</p> <p>Sehubungan itu, Dato' Yang Dipertua meminta Ahli-Ahli Majlis dan Ketua-Ketua Jabatan untuk bersama-sama mengemukakan idea dan cadangan bagi mempertingkatkan kemudahan fasiliti dan pengisian program di Kompleks 3C MPSJ agar seiring dengan penjenamaan semula Kompleks 3C MPSJ.</p> <p>Seterusnya Jabatan Pembangunan Masyarakat akan menyediakan kertas cadangan berhubung perkara ini untuk dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan.</p> |
|--|--|--|--|--|

Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat

5.0 PEMBENTANGAN MINIT MESYUARAT PERBINCANGAN CADANGAN PINDAAN GARIS PANDUAN TAMBAHAN DAN UBAHSUAIAN RUMAH KEDIAMAN SEDIA ADA DAN PENGECUALIAN KEBENARAN MERANCANG DI KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 01/2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat **bersetuju menerima dan meluluskan** Minit Mesyuarat Perbincangan Cadangan Pindaan Garis Panduan Tambahan Dan Ubahsuaian Rumah Kediaman Sedia Ada Dan Pengecualian Kebenaran Merancang Di Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 01/2015.

**Tindakan : Jabatan Bangunan
Jabatan Perancang Bandar**

6.0 PEMBENTANGAN KERTAS MESYUARAT CADANGAN PINDAAN GARIS PANDUAN TAMBAHAN DAN UBAHSUAIAN RUMAH KEDIAMAN SEDIA ADA DAN PENGECUALIAN KEBENARAN MERANCANG DI KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat **bersetuju menerima dan meluluskan** Pembentangan Kertas Mesyuarat Cadangan Pindaan Garis Panduan Tambahan Dan Ubahsuaian Rumah Kediaman Sedia Ada Dan Pengecualian Kebenaran Merancang Di Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Subang Jaya.

**Tindakan : Jabatan Bangunan
Jabatan Perancang Bandar**

7.0 UCAPAN PENANGGUHAN

7.1 YBhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Majlis di atas kerjasama sepanjang mesyuarat dijalankan dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.00 tengah hari.

'MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI'

Disediakan oleh;

.....
(ABDULLAH BIN MARJUNID), S.I.S., A.M.S.
Setiausaha Perbandaran
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(DATO' NOR HISHAM BIN AHMAD DAHLAN), D.P.M.S., S.M.S
Pengerusi Mesyuarat
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA